

The Methodology in Islamic Legal Ruling of The Religious Extremism Groups: An Introduction

Metodologi Penentuan Hukum Islam Golongan Ekstremisme Agama: Satu Pengantar

Muhd Imran Abd Razak^{1*}, Mohd Anuar Ramli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhammad Yusri Yusof @Salleh, Paiz Hassan & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin.

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author e-mail: imranrazak@uitm.edu.my¹

Published: 7 September 2018

ABSTRAK

Ekstremisme Agama merupakan kelompok yang mentafsirkan agama secara garis keras. Hasil pentafsiran ini telah menimbulkan konflik dan hubungan yang tidak harmoni dalam masyarakat Islam. Misalnya, kecenderungan takfir, telah membuatkan hubungan suami isteri tidak sah, malah menghalalkan darah pihak lain. Ideologi ini amat berbahaya khususnya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini membincangkan tentang metodologi golongan aliran ekstremisme agama dalam penentuan hukum Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif ini menggunakan metode kepustakaan sepenuhnya bagi mengumpul literatur kajian. Kemudiannya dianalisis kandungan secara deduktif bagi merumuskan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati aliran ekstremisme agama mengaplikasikan pendekatan secara literalis dan natijahnya hukum yang ditetapkan cenderung keras.

Kata kunci: Ekstremisme agama, takfir, hukum Islam, literalis, wasatiyyah

ABSTRACT

Religious extremism is known to take a hard-line on defining religion. This interpretation has resulted in conflicts and tension in the Islamic society. For example, the tendency of takfir makes husband and wife relationships invalid, and even legitimising the blood of other parties. This ideology is perilous, especially in the context of plural society in Malaysia. In this regard, this study discusses the methodology of religious extremism groups in the Islamic legal ruling. To achieve this objective, this qualitative study fully employed the literature review methodology to collect articles for the review. Then, the content is analysed deductively to formulate the findings. The results of the study found that the religious extremists applied a literalist approach, and the nature of their verdict on laws tend to be punitive.

Keywords: Religious extremism, takfir, Islamic law, literalism, wasatiyyah

eISSN: 2550-214X © 2018. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Penggunaan istilah ekstremisme pada hari ini sering dirujuk kepada ekstremisme agama kerana gerakan ekstremisme moden dikatakan banyak dipengaruhi oleh *religious motivation* (Wilkinson, 2000 & Musselwhite, 2015). Oleh itu, secara umumnya ekstremisme agama dalam kajian ini merujuk kepada fahaman melampau yang cuba menyandarkan tindakan keganasan mereka kepada agama Islam walhal hakikatnya bertentangan dengan ajaran Islam. Antara kumpulan ekstremisme agama terawal dalam sejarah Islam dikenali sebagai Khawarij. Golongan ini telah dikesan terlibat dalam pelbagai bentuk keganasan yang menyebabkan kematian sebahagian besar sahabat Rasulullah SAW. Golongan

Khawarij telah diperangi oleh Saidina 'Ali RA dan majoriti umat Islam yang kemudiannya menyebabkan golongan Khawarij tidak lagi aktif dan tidak diakui sebagai golongan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah (Al-Qaradawi, 1402H & Wagemakers, 148-150). Dalam perkembangan semasa pula, wujud beberapa gejala ekstremisme agama di peringkat antarabangsa dalam beberapa kumpulan yang merosakkan citra Islam. Daripada idealisme *peripheral*, ia kemudiannya tersebar ke seluruh dunia Islam termasuk Malaysia. Kepsatan perkembangan ideologi ini berlaku kerana wujudnya rangkaian ICT moden khususnya melalui media sosial yang mendapat sokongan daripada sesetengah penganut Islam dan jumlahnya semakin meningkat (Fatema, 2015: 174-187, Zolkarnain, 2016 & Muhd Imran, Mohd Anuar & Rahimin) 2017). Sebahagian media dan sarjana barat pula telah menjadikan isu ekstremisme agama ini sebagai bukti untuk menguatkan konsep anti Islam atau Islamophobia yang cuba menjauhkan Islam daripada masyarakat di barat (Anggid, 2009).

2. KONSEP EKSTREMISME AGAMA

Dalam bahasa Melayu, kata akar bagi 'ekstremisme' adalah 'ekstrem'. Menurut Kamus Dewan (2015), perkataan 'ekstrem' dalam bahasa Melayu membawa konotasi yang negatif iaitu "*suatu perihal keterlaluan atau melampau*". Melampau pula bermaksud terlalu sangat, berlebih-lebih, melewati batas, keterlaluan (Kamus Dewan, 2015). Secara jelas, perkataan 'ekstrem' tersebut merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Inggeris, 'extreme' (Oxford-English-Malay Dictionary, 2010). Walau bagaimanapun, perkataan 'extreme' dalam bahasa Inggeris mempunyai maksud yang baik dan buruk tergantung kepada penggunaannya (Cambridge Dictionary, 2017). Perkataan 'extreme' dalam bahasa Inggeris pula dipercayai diambil daripada bahasa lama Perancis 'extreme' dan ianya berasal daripada bahasa Latin, iaitu 'extrēmus' yang bermaksud "*outermost, utmost, farthest, last*" (Online Etymology Dictionary, 2017). Dalam bahasa Arab pula, istilah '*ghuluw*' membawa maksud yang sama dengan ekstrem iaitu dari segi bahasanya bermaksud melampaui batas (Al-Gharyani, 2002).

'Ekstremisme' pula menurut Kamus Dewan (2015) bermaksud "*fahaman (sikap, perbuatan dsb.) yang ekstrem*". Dalam bahasa Inggeris, menurut *Merriam-Webster Dictionary* (2017), 'extremism' secara literalnya bermaksud "*the quality or state of being extreme*" atau "*advocacy of extreme measures or views*". *Cambridge Dictionary* (2017) pula memberikan definisi "*the fact of someone having beliefs that most people think are unreasonable and unacceptable*" (2017). Manakala *Oxford Living Dictionaries* pula menyatakan 'extremism' bermaksud "*the holding of extreme political or religious views*" yang menyamakannya dengan maksud *fanaticism*" (2017). Ketiga-tiga definisi yang dinyatakan dilihat sedikit berbeza antara satu sama lain dengan pendefinisian bersifat umum dan khusus.

Dari segi istilah atau penggunaan kata 'ekstremisme' dan 'ekstremis', ia merupakan perkataan yang mempunyai pengertian yang kompleks. Coleman dan Batoli (2003) menyatakan:

"Extremism is a complex phenomenon, although its complexity is often hard to see. Most simply, it can be defined as activities (belief, attitudes, feelings, actions, strategies) of a character far removed from the ordinary".

Willis (2011) memberikan maksud yang sama dengan menyatakan 'ekstremisme' sebagai permasalahan yang sering dibentuk oleh sistem kepercayaan, doktrin atau ideologi yang telah menyimpang jauh daripada budaya masyarakat. Scruton (2011) pula menjelaskan ekstremisme adalah idea politik yang melampaui batas, mengamalkan kaedah tidak menghiraukan impak terhadap orang lain atau mengamalkan toleransi demi mencapai tujuan politik. Nazrul Islam (2005) pula berpendapat, 'ekstremis' mempunyai kaitan dengan politik dan agama: "*An extremist, especially someone with strong, irrational religious or political feelings.*"

Pendapat Hashim Kamali (2015: 150-151) berkaitan 'ekstremisme' pula lebih luas iaitu merujuk kepada tindakan melampau yang biasanya jelas dari pandangan mata manusia. Walau bagaimanapun, menurut beliau, ia perlu melihat kepada konteks tindakan terlebih dahulu bagi menentukan sama ada ianya bersifat 'ekstremisme' ataupun tindakan yang hak. Situasi kontekstual tersebut memerlukan

penilaian pakar dengan pembuktian-pembuktian yang diyakini. Justeru itu, esktrémisme bukan sesuatu label yang mudah digunakan sewenang-wenangnya.

3. KUMPULAN EKSTREMISME AGAMA KHAWARIJ

Golongan Khawarij merupakan golongan terawal yang diiktiraf ekstrem dalam persoalan hukum khususnya dalam menghukum status keislaman seseorang. Golongan ini begitu mudah mengkafirkan pelaku-pelaku dosa besar termasuk semua sahabat Rasulullah SAW yang tidak sehaluan dengan mereka. Mereka juga telah melakukan pemberontakan terhadap kepimpinan Saidina Ali bin Abi Talib RA yang merupakan khalifah Islam yang sah pada ketika itu. Menurut kajian (Green, 2009, Al-Qaradawi, 2012 & Rahimin Affandi 2016), golongan Khawarij ini mempunyai beberapa fahaman utama iaitu;

1. Ajaran Islam yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah perlu difahami secara literal semata-mata, dan ianya harus diamalkan secara sepenuhnya.
2. Hanya pandangan mereka sahaja yang benar dan sesiapa yang berbeza pendapat dengan mereka akan diisytiharkan sebagai kafir dan halal darahnya tanpa mengira status.
3. Kawasan yang menjadi tempat tinggal mereka akan dianggap sebagai *Dar al-Islam*, sedangkan daerah Islam yang lain adalah *Dar al-Kufr* yang wajib diperangi.
4. Sesiapa yang melakukan dosa besar ataupun kecil secara berterusan akan menjadi kafir secara mutlak dan seandainya mati ianya akan kekal di dalam neraka.

3.1 Al-Qaeda

Para sarjana masa yang mengkaji tentang ekstremisme, terrorisme, radikalisme dan lain-lain istilah berkaitan didapati bersepakat mengatakan bahawa peristiwa serangan di Amerika pada 11 November 2001 merupakan titik paling penting dalam mengaitkan umat Islam dengan esktrémisme (Duyvesteyn, 2004: 439-454). Pengakuan kumpulan al-Qaeda sebagai pelaku tindakan tersebut telah menonjolkan mereka sebagai gerakan neo Khawarij zaman moden. Majoriti ulama seluruh dunia telah mengutuk serangan tersebut dan menganggapnya sebagai tindakan yang bertentangan sama sekali dengan prinsip-prinsip jihad dalam Islam (Al-Risalah al-Maftuhah ila al-Duktur Ibrahim 'Iwad al-Badri, 2014).

Kumpulan al-Qaeda Kumpulan al-Qaeda dan sekutu-sekutunya pada masa kini berpusat di Afghanistan, Iraq, Syria dan Asia Tenggara. Mereka juga bergerak secara sembunyi di beberapa negara blok barat seperti eropah, Amerika dan Australia. Secara geneologinya, gerakan salafi jihadi ini mendapat idea asas daripada penulisan Syed Qutb tentang konsep *Hakimiyyah* dan jahiliah moden (Bubalo, & Fealy, 2005), manakala bentuk keahlian dan organisasinya yang tersusun wujud selepas berlakunya penaklukan Aghanistan oleh kuasa Rusia. Ramai pejuang Islam daripada seluruh dunia telah pergi turut sama berperang melawan kuasa Rusia. Semasa di Afghanistan dan Pakistan mereka telah menerima fahaman radikal dan latihan ketenteraan di kem *Herat*, *Sa'ada* dan *Torkham* (Mohd Mizan, 2009). Kem-kem latihan ini mendapat pembiayaan daripada Arab Saudi dan CIA (Carr, 2002). Terdapat beberapa tokoh utama yang terlibat dalam proses indoktrinasi ini terdiri dari Usamah bin Laden, Ayman al-Zawahiri, Abu Mus'ab al-Zarqawi dan 'Abdullah 'Azzam ideologe utama yang mengasaskan ideologi salafi jihadi ini (Benson, 2015).

Selepas perang Aghanistan tamat, pejuang-pejuang ini telah pulang ke negara asal masing-masing dengan membawa fahaman salafi jihadi. Hasilnya, mereka mengasaskan pelbagai rangkaian gerakan salafi jihadi yang berbeza mengikut kawasan;

1. Kumpulan al-Qaeda Global (AQG) yang berpusat di Afghanistan.
2. Individu di barat yang bertindak sebagai *Lone Wolf* yang mana walaupun tidak bernaung di bawah kumpulan al-Qaeda, tetapi bersimpati dan menerima fahaman salafi jihadi ini. Mereka terlibat melakukan aktiviti keganasan terhadap kepentingan dan kawasan awam di barat (Dickson, 2015).
3. Kumpulan Abu Sayyaf di selatan Filipina.
4. Jemaah Islamiyyah dan pecahannya Kumpulan Mujahidin Malaysia/Kumpulan Militan Malaysia (KMM) di Asia Tenggara (Zulkifli, 2005: 39-62). Antara nama-nama yang terkenal adalah Abu Bakar Bashir, Abdullah Sungkar, Hambali, Dr Azhari, Nordin Mat Top, Imam Samudera, Zainon

Ismail dan banyak lagi (Kamarulnizam, 2009: 79-106).

5. Kumpulan Bayt al-Imam di Jordan di bawah Abu Mus'ab al-Zarqawi yang kemudiannya berkembang menjadi kumpulan IS pada masa kini.

Seperti golongan Khawarij, kumpulan al-Qaeda juga mempunyai fahaman yang eskترم dalam pentafsiran agama. Menurut al-Qaeda, bentuk pemerintahan khilafah merupakan satu-satunya bentuk pemerintahan yang absah. Oleh itu, mereka menolak dan tidak menerima sama sekali bentuk pemerintahan dunia yang wujud dalam realiti dunia moden hari ini, iaitu pembentukan negara-negara bangsa yang mempunyai kedaulatan tersendiri namun dalam masa yang sama bersatu, berdamai dan bekerjasama di bawah pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Bagi mereka, bentuk hubungan antarabangsa masih kekal dalam keadaan perhubungan di antara *Dar al-Islam* dan *dar al-Harb* yang sentiasa dalam keadaan bermusuh dan berperang. Hal ini jelas dapat dilihat daripada prinsip mereka yang tidak mengiktiraf (*al-Barra'*) sama sekali garis sempadan negara serta pemerintah yang sedia ada bagi negara-negara tersebut. Ketaatan (*al-Wala'*) menurut mereka hanyalah kepada khilafah Islam yang mereka sedang ditubuhkan yang akan mentadbir berlandaskan syariat Islam serta menjalankan hukum Islam (Al-Suri, 2004).

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa gerakan tersebut sering melaungkan slogan-slogan untuk mengembalikan semula pemerintahan khilafah Islam di atas muka bumi ini. Hal ini kerana, konsep khilafah ini menduduki kedudukan yang istimewa dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia yang masih meratapi kejatuhan khilafah terakhir iaitu Turki Uthmaniyah serta mengenang kembali nostalgia kegemilangan khilafah Islam suatu ketika dahulu. Justeru itu, dengan memainkan kembali sentimen tersebut, gerakan-gerakan ini cuba untuk mendapatkan legitimasi ke atas segala perbuatan dan tindak laku keganasan yang telah mereka lakukan atas nama penegakkan kembali *Khilafah Islamiyyah*.

3.2 Kumpulan IS

Secara terperinci kumpulan ini mempunyai beberapa nama yang sering dirujuk iaitu nama yang sering dirujuk iaitu Dawlah Islamiyyah, Islamic State (IS), Islamic State in Iraq (ISI), Islamic State in Iraq and Syam (ISIS), Islamic State in Iraq and Levant (ISIL) dan Dawlah Islamiyyah li al-'Iraq wa al-Syam (DAISH). Nama-nama yang berbeza tersebut adalah disebabkan oleh latar belakang perkembangan kumpulan yang bermula sejak tahun 1996. Kumpulan IS berasal daripada kumpulan Bay'at al-Imam yang mula ditubuhkan pada tahun 1996 di Jordan, kemudiannya bertukar kepada Jama'ah al-Tawhid wa al-Jihad sekitar tahun 1999- 2000 (Mapping Militant Organizations, 2017). Kumpulan ini dipimpin oleh Ahmad Fadil Nazzal al-Khalaylah atau lebih dikenali sebagai Abu Mus'ab al-Zarqawi, seorang jihadis yang pernah terlibat dalam perang Afghanistan menentang pencerobohan Soviet Union dan telah mengendalikan kem latihan ketenteraan di sana (Weiss, 2015).

Selepas pencerobohan Amerika di Iraq pada tahun 2003, kumpulan Jama'ah al-Tawhid wa al-Jihad dipimpin Abu Mus'ab al-Zarqawi telah ke Iraq dan menjadi tulang belakang menyatukan antara beberapa kumpulan mujahidin di sana iaitu kumpulan Ansar al-Islam dan kumpulan-kumpulan mujahidin Afghanistan. Pada tahun 2004, kumpulan ini telah mengisytiharkan penggabungan dengan Tanzim al-Qaeda yang berpangkalan di Afghanistan dengan memberikan baiah kepada Usamah bin Laden dan menukar nama kumpulan mereka kepada Tanzim al-Qa'idah fi Bilad al-Rafidain atau disebut juga al-Qaeda in Iraq (AQI) (Lister, 2014). Oleh yang demikian, Abu Mus'ab al-Zarqawi telah dianggap sebagai pemimpin utama al-Qaeda di Iraq (Micallef, 2015). Kumpulan AQI ini turut disertai oleh bekas-bekas tentera Iraq dan Bahaats selepas kematian Presiden Saddam Hussin (Maszlee, 2016).

Pada tahun 2006, Abu Mus'ab al-Zarqawi telah terbunuh dalam satu operasi ketenteraan oleh tentera Amerika. Laman web al-Qaeda di Iraq telah mengumumkan Abu Ayyub al-Masri telah dilantik untuk menggantikan Abu Mus'ab al-Zarqawi sebagai ketua. Abu Ayyub al-Masri atau lebih dikenali sebagai Abu Hamzah al-Muhajir, seorang Arab Mesir yang juga mempunyai pengalaman berperang di Afghanistan bersama Abu Mus'ab al-Zarqawi telah mengisytiharkan nama kumpulan mereka *Dawlah Islamiyyah li al-'Iraq wa al-Syam* atau *Islamic State in Iraq* atau ISI (Micallef, 2015). Bagi menarik

lebih ramai warga Iraq menyertai kumpulan ISI dan mengimbangi penyertaan pejuang asing, mereka telah melantik Hamid Daud Mohammad Khalil al-Zawi atau dikenali sebagai Abu ‘Umar al-Baghdadi pula sebagai Amir pada penghujung tahun 2006 (Al-Shishani, 2011).

Pada 19 April 2010, Abu Hamzah al-Muhajir dan Abu ‘Umar al-Baghdadi, dua individu penting kumpulan ISI telah mati terbunuh dalam satu operasi ketenteraan tentera Amerika. Legasi kepimpinan kumpulan ISI kemudiannya telah disambung oleh Ibrahim ‘Iwad Ibrahim ‘Ali Mohammad al-Badri atau lebih dikenali sebagai Abu Bakar al-Baghdadi sehingga kajian ini ditulis. Abu Bakar al-Baghdadi sebenarnya pernah ditahan oleh tentera Amerika pada tahun 2003, namun dibebaskan selepas dianggap tidak berbahaya. Beliau kemudiannya menyertai kumpulan ISI pada tahun 2006 dan dilantik menjadi ahli majlis kepimpinan kanan kumpulan berkenaan (Bryman, 2015). Penggantian Amir atau ketua kumpulan ISI telah memberikan semangat baru dengan bercita-cita lebih besar. Kebangkitan rakyat Syria menentang Presiden Bashar al-Asaad pada tahun 2011 telah membuka peluang kepada kumpulan ISI untuk mengembangkan perjuangan dan ideologi mereka ke Syria.

Pada April 2013, Abu Bakar al-Baghdadi telah menghisytiharkan penukaran nama kumpulan ISI kepada Islamic State in Iraq and Levant (ISIL) bagi menggambarkan pemerintahan khilafah merangkumi negara Iraq, Syria, Jordan, Lubnan, Palestin, Israel, Cyprus, Hatay di selatan Turki dan semenanjung Sinai di Mesir (Kertas Putih, 2014). Pada 29 Jun 2014, Jurucakap ISIS, Muhammad al-‘Adnani memaklumkan pertukaran nama daripada ISIS kepada *Dawlah Islamiyyah* atau Islamic State (IS) dengan membuang perkataan Iraq dan Syam. Majlis Syura Mujahidin mereka sepakat melantik Abu Bakar al-Baghdadi sebagai Khalifah Islam. Pada 5 Julai 2014, Abu Bakar al-Baghdadi telah berkhotbah di Masjid al-Nouri di wilayah Mosul, Iraq untuk mengisytiharkan dirinya sebagai Khalifah bagi *Dawlah Islamiyyah* dan menyeru semua orang Islam memberikan baiah dan berjihad bersama mereka termasuk daripada kumpulan al-Qaeda yang pernah dianggotai mereka sebelum ini (Stern, 2015).

4. METODOLOGI PENENTUAN HUKUM ISLAM

Secara umumnya, kumpulan IS bermazhab Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah (Sunni) bermanhaj Salafi dan perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh mereka dalam majalah *Dabiq* 15 (2016: 28). Manhaj *salafiyyah* atau salafi adalah manhaj dan juga gerakan yang cuba mengembalikan kehidupan beragama masyarakat Islam kepada tiga kurun terbaik zaman awal. Walau bagaimanapun, menurut pengkaji gerakan salafi boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu salafi dakwah, salafi politik dan salafi jihad. Salafi dakwah dan politik mengajak masyarakat berpegang kepada apa yang diamalkan oleh generasi salaf tanpa dan memusuhi tindakan ekstremisme. Manakala salafi jihadi pula menggunakan pendekatan revolusi untuk mencapai maksud mereka. Mereka memperjuangkan penubuhan negara Islam yang menguatkuasakan undang-undang Islam melalui jalan revolusi (Muhd Imran, Mohd Anuar & Rahimin, 2017: 1265-1280). Mereka tidak bertolak ansur dengan sebarang elemen menyimpang seperti bidaah yang berlaku dalam masyarakat dan akan berusaha menghapuskannya melalui jalan kekerasan (Mohamed, 2015: 155- 187). Yusuf al-Qaradawi (2009) dalam kitabnya *Fiqh al-Jihad* turut mengkritik keras golongan salafi jihadi ini dan menganggapnya perosak kepada imej agama Islam.

Pada hakikatnya, antara ciri penting kumpulan esktrmisme agama adalah mereka tidak mempunyai metodologi pengeluaran hukum yang jelas. Mereka juga tidak mempunyai ulama yang mengarang kitab untuk dijadikan rujukan khusus dalam bidang hukum Islam. Walau bagaimanapun, berdasarkan amalan penghujahan dalam siri majalah *Dabiq*, metode hukum kumpulan IS boleh dirumuskan terdiri daripada sembilan kategori sumber, iaitu; (i) al-Quran, (ii) kitab-kitab Hadis, (iii) kitab-kitab tafsir, (iv) kitab-kitab syarah Hadis, (v) kitab- kitab akidah, (vi) kitab-kitab tarikh (sejarah), (vii) kitab-kitab fiqh (viii) kitab-kitab Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan Muhammad ‘Abd al-Wahhab, serta (ix) lain-lain kitab. Berikut disenaraikan nama kitab dan pengarangnya yang menjadi rujukan dalam koleksi majalah *Dabiq*:

Jadual 1: Rujukan agama dalam penulisan majalah Dabiq

Jenis Sumber	Nama Kitab	Nama Pengarang
Al-Quran		
Kitab Hadis	Sahih al-Bukhari Sahih Muslim	Al-Bukhari Muslim
	Sunan al-Tirmizi Sunan al-Darimi	Al-Tirmizi Al-Darimi
	Musannaf ‘Abd al Razzaq	‘Abd al-Razzaq Abi Syaibah
	Musannaf Ibn Abī Shaybah	
Kitab Tafsir	Tafsir al-Qurtubi Tafsir Ibn Kathir	Al-Qurtubi Ibn Kathir
	Al-Kassyaf	Al-Zamarkashi
	Zad al-Masir	Ibn Hazm
Kitab Syarah Hadis	Musnad Fath al-Bari Syarah Sahih	Ibn Hajar al-‘Asqalani Al-Nawawi
	Muslim Syarah al-Sunnah Raudah	Al-Barbahari Al-Haytami
	al-Talibin Minhaj al-Sunnah	Ibn Rajab al-Hanbali Ibn Rajab al-
	Jami‘al-‘Ulum wa al-Hikam	Hanbali Ahmad ibn Hanbal
	Majma‘al-Zawaid	Ibn Athir
	Nail al-Autar	
Kitab Akidah	al-I‘tiqad	Al-Baihaqi Ibn Battah
	al-Ibanah al-Kubra	Al-Firyabi
	Sifat al-Nifaq	
Kitab <i>Tarikh</i> (Sejarah)	al-Bidāyah wa al-Nihāyah	Ibn Kathir
Kitab Ibn Taymiyyah, Ibn	al-Sarim al-Maslul Majmu‘ al-	Ibn Taymiyyah
Qayyim al- Jauziyyah &	Fatawa al-Fawaid	Ibn Qayyim al-Jauziyyah Ibn Qayyim
Muhammad ‘Abd al- Wahhab	I‘lām al-Muwaqqi‘in al-Jawab al-	al-Jauziyyah Ibn Qayyim al-Jauziyyah
	Kafi	Ibn Qayyim al-Jauziyyah Ibn Qayyim
	‘Uddat al-Sābirīn	al-Jauziyyah
	Madarij al-Salikin Zad al-Ma‘ad	Ibn Qayyim al-Jauziyyah Ibn Qayyim
	Raudah al-Muhibbin Masā’il al-	al-Jauziyyah Muhammad ‘Abd al-
	Jāhiliyyah	Wahhab
	al-Rasail al-Syakhsiyyah Nawaqid	Muhammad ‘Abd al- Wahhab
	al-Islam	Muhammad ‘Abd al- Wahhab
		Muhammad ‘Abd al-
		Wahhab
Kitab Fiqh	al-Mughni al-Risalah	Ibn Qudamah Al-Syafi‘i
	al-Muhalla	Ibn Hazm
Lain-lain kitab	al-Zuhud	Ahmad ibn Hanbal
	Majmu‘ Rasail	Ibn Rajab al-Hanbali
	al-Tabaqat al-Kubra	Ibn Sa‘ad al-Zuhri
	al-Durar al-Saniyyah	(Himpunan fatwa ulama
	Musnad al-Faruq	Najd)
	Mukhtasar Ikhtilāf al-‘Ulamā’	Ibn Kathir
	Masā’il Harb	Al-Tahawi Al-Kirmani Ibn Muflih Ibn
	al-Ādāb al-Shar’iyyah Mukhtasar	Qudamah
	Minhāj al-Qāsidīn al-Targhīb wa	Al-Albani
	al-Tarhīb	

Berdasarkan senarai rujukan di atas, beberapa perkara asas dapat dirumuskan, iaitu:

- i. Metode hukum kumpulan IS dilihat seakan mengutamakan rujukan asasi dalam Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah dan seolah-olah penerangannya juga diambil daripada kitab-kitab tafsir dan syarah Hadis yang muktabar.
- ii. Secara jelasnya tokoh-tokoh rujukan utama kumpulan Salafi iaitu Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim al-Jauziyyah dan Muhammad ‘Abd al-Wahhab dijadikan rujukan yang sangat penting bagi ideologi perjuangan kumpulan IS.
- iii. Selain tiga tokoh kumpulan Salafi tersebut dan al-Albani, hampir keseluruhan rujukan ditulis para ulama generasi salaf.
- iv. Pandangan dalam kitab fiqh tidak begitu penting dan hanya dirujuk dalam isu terpilih sahaja.

Secara umumnya dapat dilihat bahawa metode hukum kumpulan IS menggunakan al-Quran dan al-Sunnah beserta hujah penguat daripada kitab yang muktabar. Namun demikian, secara terperinci pengkaji mendapati ia tidaklah berdasarkan kepada pendekatan atau disiplin yang betul. Paling jelas, penggunaan nas-nas al-Quran dan Hadis biasanya dijelaskan dengan fahaman secara literal semata-mata. Walaupun sebahagiannya dijelaskan dengan rujukan tafsir atau syarah hadis, mereka mengamalkan pendekatan selektif *juz’i*, iaitu menggunakan nas-nas wahyu dan sumber lain yang mempunyai kepentingan kepada diri mereka dengan meninggalkan nas dan tafsiran lain yang tidak berpihak kepada mereka.

Hal ini jelas bersalahan dengan disiplin berinteraksi dengan dalil-dalil yang mesti dilakukan secara menyeluruh (Al-Ghazzali, t.t).

Disamping itu, termasuk dalam maksud menyeluruh tersebut tersebut juga adalah pertimbangan realiti semasa dan setempat yang juga tidak diambil dalam metode penghujahan kumpulan IS. Mereka telah mengabaikan persoalan konteks pensyariatannya sesuatu dalil dan pertimbangan realiti dunia masa kini. Justeru itu, tidak hairanlah pandangan ulama-ulama semasa langsung tidak dapat ditemui dalam penghujahan beragama mereka. Metode hukum dan pendekatan kumpulan IS dalam berinteraksi dengan nas-nas syarak dapat dikaitkan mempunyai unsur-unsur ekstremisme agama berdasarkan penjelasan lanjut terhadap perkara-perkara berikut:

a. Takfir

Kumpulan IS seperti diketahui umum telah mengangkat dan mengisytiharkan Abu Bakar al-Baghdadi sebagai *Amir al-Mu’minin* dunia Islam. Sesiapa yang bergelar muslim menurut pandangan mereka wajib melakukan bai’ah terhadap khalifah yang dilantik tersebut. Mereka akan bergerak daripada suatu tempat ke suatu tempat yang lain untuk mencari mereka yang menyokong dan menentang. Muslim yang melakukan bai’ah akan terselamat, manakala sesiapa yang menentang akan diisytihar murtad dan layak dibunuh. Namun, jika orang ‘murtad’ kembali menyokong, mereka akan terselamat daripada hukuman. Muslim yang mati tanpa sempat berbai’ah kepada kumpulan IS juga dihukum kafir. Mereka bersandarkan kepada hadis (Dabiq 15, 2016: 27):

“Whoever dies unbound by a bay’ah (pledge of allegiance) has died a jahili death” (Muslim). And he said, “Whoever dislikes something in his leader, let him be patient. For whoever leaves the obedience of lawful authority, even a hand span (and dies), has died the death of Jahiliyyah” (Al-Bukhari and Muslim).

Bagi kumpulan IS, mereka membawa undang-undang Allah. Oleh yang demikian sesiapa juga yang menentang secara automatik menjadi kafir. Kata mereka (Dabiq 10, 2015: 50):

“Then ask yourself, ‘What is the ruling on someone who replaces or is a cause for the replacement of the law of Allah with the law of man?’ Yes, you become a kāfir because of that. So beware, for by fighting the Islamic State you fall into kufr whether you realize it or not”

Oleh yang demikian, penentangan pihak kafir seluruh dunia yang dinamakan tentera Salib dan pihak-pihak muslim yang telah murtad terhadap kumpulan mereka adalah Perang Ahzab zaman baru. Negara Malaysia turut dianggap negara murtad kerana terlibat dalam pakatan yang menentang kumpulan IS tersebut (Dabiq 11, 2015: 46-54).

Selain daripada itu, kumpulan IS juga secara mudah menghukum bidaah serta mensyirikkan amalan-amalan masyarakat Islam. Mereka menganggap ziarah kubur khususnya ziarah makam wali Allah adalah syirik dan sesiapa yang melakukannya dianggap telah terkeluar daripada Islam. Walaupun seseorang itu mengucapkan kalimah tauhid, dia dianggap masih syirik jika bertawassul ketika berdoa (Dabiq 2, 2014: 10). Mereka memperakui tentang tanggungjawab mereka untuk membasmi sebarang unsur bidaah dan syirik dalam kalangan masyarakat Islam (Ibid & Dabiq 3, 2014: 17). Justeru itu, tidak hairanlah mereka memusnahkan makam para Nabi termasuk juga makam-makam wali Allah dantokoh agama untuk mengelakkan amalan yang dikategorikan mereka sebagai syirik dan kafir (Dabiq 2, 2014: 15).

Sebagaimana yang telah disebutkan, kumpulan IS hanya mengiktiraf akidah yang dipegang oleh ahli kumpulan mereka sahaja. Sesiapa yang berlainan fahaman, lebih-lebih lagi berlainan agama, dianggap sebagai kafir atau murtad jika dia seorang muslim. Rumah-rumah ibadah kefahaman mereka akan diletupkan atas dasar mengelakkan syirik dalam kalangan masyarakat. Bagi IS, mereka mengikuti sunnah Rasulullah SAW selepas peristiwa pembukaan Mekah dan sunnah Nabi Ibrahim AS yang menghancurkan patung sembah masyarakat pada zamannya (Dabiq 8, 2015: 22 & Dabiq 10, 2015: 54). Kumpulan IS juga telah memusnahkan kuil purba peninggalan sejarah Rom, Ballshamin di Syria. Kuil itu telah dikitiraf UNESCO sebagai tapak warisan sejarah dunia dikenali sebagai 'Pearl of the Desert'. Mereka turut memusnahkan sebuah makam kuno di Darnah, Syria (Dabiq 11, 2015: 32-33).

Kaedah menghukum sesuatu tanpa melihat konteks dalil-dalil dan implikasinya terhadap citra Islam inilah yang menjadikan kumpulan IS bertambah ekstrem hari demi hari. Para fuqaha memang sepakat melarang pembinaan gereja atau kuil berdasarkan hadis-hadis yang sahih, namun pengharaman tersebut hanya disepakati bagi dua tanah haram iaitu Mekah dan Madinah. Di kawasan-kawasan luar tanah haram, masyarakat bukan Islam boleh membina tempat ibadah mereka dengan syarat tidak mengganggu ketenteraman awam atau menimbulkan mudarat bagi orang Islam. Ulama kontemporari seperti al-Qaradawi (2009) dan 'Abd al- Karim Zaidan (1982) menjelaskan agama Islam adalah agama yang mengakui kebebasan beragama. Tidak mungkin Islam melarang pembangunan tempat- tempat ibadah agama lain selepas mengakui tentang hakikat perbezaan agama. Islam juga melarang penghinaan kepada sembah agama lain kerana ianya bakal melahirkan tindak balas penghinaan terhadap agama Islam. Justeru, memusnahkannya tanpa sebarang sebab yang munasabah seperti yang dilakukan kumpulan IS tentulah lebih dilarang dalam Islam. Prinsip Islam dalam soal ini ini dapat dilihat berdasarkan satu perjanjian dengan orang Nasrani yang ditulis oleh Saidina 'Umar RA, antara isi kandungannya (Al-Qaradawi, 1999):

"Inilah jaminan keamanan yang diberikan oleh 'Umar bin al-Khattab kepada penduduk Bandar Elia, 'Umar menjamin keamanan bagi nyawa, harta benda, gereja-gereja, salib-salib serta seluruh syiar agama mereka. Tidak ada sesiapa pun yang akan menempati gereja-gereja mereka, terlebih lagi meruntuhkannya".

Walaupun isu *takfir* merupakan isu akidah, kaedah interpretasi hukum secara literal yang diamalkan menjadi bukti manhaj songsang kumpulan esktrémisme tersebut. Merujuk sejarah Islam, fahaman *takfir* secara sewenang- wenangnya yang wujud sebagai satu kumpulan esktrémisme agama dipelopori oleh golongan Khawarij (Al-Qaradawi, 2009). Menurut Ibn 'Umar, golongan ini jahil dalam pentafsiran nas-nas dengan menggunakan ayat-ayat berkaitan hal ehwal kafir dengan dipadankan kepada orang-orang Islam. Sifat ini dapat dilihat dengan contohnya peristiwa golongan Khawarij yang membantah terhadap *Tahkim* dengan berpandukan ayat al-Quran:

Firman Allah SWT:

إِنَّ الْحُكْمَ أَلَّا

Maksudnya:

“Menetapkan hukum adalah hak Allah SWT”

(Surah al-An‘am (6): 57)

Pentafsiran golongan Khawarij terhadap ayat-ayat tersebut adalah secara literal semata-mata tanpa melihat konteks ayat yang ditujukan kepada orang-orang kafir. Ayat 57 surah al-An‘am berkisar tentang cabaran orang kafir agar disegerakan azab terhadap mereka dengan Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW menjawab semuanya adalah ketentuan Allah untuk menyegerakan atau melewatkannya. Jika dikehendaki agar dilewatkan, tentunya ia mempunyai hikmah yang besar (Ibn Kathir, 1997).

Pada hakikatnya, *takfir* merupakan perkara yang begitu serius dan memberikan impak yang cukup besar. Daripada sudut hukum fiqh, pengesahan kafir terhadap mana-mana individu muslim bakal menghasilkan kesan hukum yang besar seperti halalnya darah dan kewajipan hukuman *had* murtad ke atasnya (Al-Zuhaili, 1989), dibekukan serta kehilangan hak menguruskan harta (‘Audah, 1968), perkahwinannya digantung (peluang bertaubat dalam tempoh *‘iddah*), tidak boleh diwarisi hartanya, kematiannya tidak boleh diurus sama dengan kematian orang Islam dan sebagainya (Al-Khin, al-Bugha & al-Syarbaji, 1996). Impak status kafir atau murtad yang begitu serius menjadikan ianya sesuatu yang sepatutnya dielakkan sedaya upaya seperti mana yang dipegang oleh para ulama Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah. Menurut pegangan ulama mazhab ini, kesalahan membiarkan ribuan orang kafir hidup lebih baik daripada tersalah membuat keputusan yang menyebabkan pertumpahan darah seorang muslim (Al-Ghazzali, 2003).

Sifat mudah mengkafirkan orang Islam adalah kesan kefahaman eskrem kerana menganggap manhaj mereka sahaja yang benar dalam beragama dan manhaj yang lain dianggap sesat atau kafir. Ia melahirkan kefahaman menghalalkan darah orang-orang Islam yang disebut dalam hadis “*mereka membunuh kaum muslimin dan membiarkan penyembah berhala*”. Secara jelas, kumpulan IS lebih mirip kepada golongan Khawarij yang jahil dalam mengenal kebenaran dan kezaliman ke atas manusia. Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah yang sebenarnya mengambil sikap tidak mengkafirkan ahli kiblat dan pelaku dosa-dosa besar serta menyerahkan urusan batin tersebut kepada Allah SWT (Muhammad Na‘im, 1985). Ringkasnya, Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah berkeyakinan bahawa sesiapa yang mentauhidkan Allah SWT, dia adalah muslim.

b. Asas Fiqh Jihad

Metode pentafsiran nas agama secara literal dan sempit ini dapat dibuktikan lagi dengan kepercayaan Kumpulan IS yang menganggap perjuangan mereka sahaja perjuangan yang sebenar-benar jihad. Ini adalah kerana ianya bertujuan untuk menegakkan undang-undang Allah seperti yang telah diperintahkan. Jihad menggunakan pedang atau senjata juga merupakan syariat Islam yang paling utama. Islam diimani tidak akan tersebar tanpa menggunakan senjata. Kumpulan IS berikrar tidak akan berhenti dari jalan peperangan sehingga mentadbir timur dan barat dunia (Dabiq 15, 2016: 28). Selain daripada itu, bagi menguatkan hujah kewajipan memerangi pihak di *Dar al-Kufr*, kumpulan IS mengatakan:

“*Likewise, as they haphazardly kill Muslims in their war against the mujahidin, it becomes even more obligatory for you to attack the Crusader nations and their citizens in their homelands.*”

Abu Bakar al-Baghdadi dalam ucapannya sejurus selepas diangkat menjadi Khalifah juga menekankan keutamaan jihad peperangan sebagai tugas paling mulia umat Islam. Jihad yang dimaksudkan beliau juga tidak tertumpu kepada orang-orang kafir, malah diwajibkan ke atas keseluruhan pemimpin-pemimpin Islam yang dianggap zalim iaitu tidak berhukum dengan hukum Islam, menjadi tali barut kepada Yahudi dan juga musuh-musuh Islam yang lain

(<http://www.youtube.com/watch?v=iZX8WwaBshs>).

Bagi mereka juga, pentafsiran maksud jihad selain jihad peperangan merupakan golongan *murji'ah* yang ingin menghapuskan kewajipan jihad (<http://www.youtube.com/watch?v=UOXmTTUrjsk>).

Secara umumnya, pegangan konsep jihad yang difahami kumpulan IS ialah; *Pertama*, hukum jihad adalah fardu ain (Dabiq 10, 2015: 15-16). Mereka mengajak umat Islam untuk bergabung memberikan bala kepada mereka kerana mendakwa perjuangan mereka adalah jihad yang diperintahkan oleh Islam. Implikasi negatifnya adalah barangsiapa yang bergabung dengan mereka akan menolak semua bentuk kerajaan yang sah pada hari ini. Atas dasar itu, setiap pengikut kumpulan IS adalah anti kerajaan ataupun negara yang dapat mengugat kedaulatan dan ketaatan warganegara negara asalnya (Weeks, 2013). Ini adalah kerana bagi mereka hanya ada seorang pemimpin yang wajib ditaati iaitu Abu Bakar al-Baghdadi (Jones, 2014).

Kedua, kumpulan IS hanya memandang jihad sebagai perang fizikal semata-mata tanpa dikaitkan dengan usaha jihad lain membangunkan ilmu atau faktor ekonomi sosial yang baik untuk masyarakat Islam. Generasi muda Islam pula digalakkan untuk terlibat di dalam memerangi golongan kafir sebagai anti tesis kepada golongan Islam, yang dikatakan bakal memperoleh status mati syahid seandainya sanggup mengorbankan diri mereka dalam menakutkan golongan kafir dan menjejaskan segala kepentingan mereka. Oleh yang demikian, kumpulan IS telah mengaku mendalangi serangan di beberapa buah negara (Dabiq 7, 2014: 40- 41, 58, Dabiq 9, 2015: 5, Dabiq 10, 2015: 3 & Dabiq 12, 2015: 2-4).

Asas kefahaman jihad yang dipegang oleh kumpulan IS dapat dibuktikan salah dengan beberapa hujah penting:

- i. Kefahaman yang salah tentang konteks ayat-ayat al-Quran. Hal ini dapat dilihat contohnya daripada kefahaman terhadap ayat daripada surah al- Baqarah dan surah al-Taubah ayat 5. Ayat-ayat tersebut sebenarnya diturunkan dalam konteks peperangan yang *syar'i* bukan dalam konteks aman (Ibn Kathir, 1997). Saranan serangan-serangan *Lone Wolf* di negara- negara aman termasuk negara umat Islam adalah saranan yang jelas melampaui batas kerana melanggar larangan-larangan asasi berkaitan nyawa manusia.
- ii. Pengisytiharaan jihad yang salah oleh kumpulan IS dengan meletakkan semua wilayah selain mereka sebagai *Dar al-Harb*. Hal ini merupakan implikasi fahaman *takfir* yang dianut oleh mereka. Kaedah meletakkan semua negara-negara termasuk negara-negara majoriti umat Islam sebagai wilayah untuk diperangi bercanggah dengan semua perbincangan fiqh dan penjagaan *Maqasid al-Syari'ah*.
- iii. Para fuqha bersepakat tentang hukum fardu ain bagi muslim menyertai jihad peperangan dalam mempertahankan diri jika negara mereka diserang. Namun, bagi jihad peperangan berbentuk ofensif seperti yang dianjurkan kumpulan IS, berlaku perbezaan pendapat dalam menghukumnya sama ada sunat, fardu kifayah ataupun ain. Majoriti ulama mengatakan ianya hanya fardu kifayah dan tergantung kepada arahan daripada pemerintah yang berautoriti.
- iv. Sesetengah sarjana Islam berpendapat tindakan mereka bukanlah jihad tetapi lebih tepat dikatakan sebagai *bughah* kerana ianya zalim hingga sanggup menakutkan dan membunuh orang awam yang tidak berdosa (Khairunnas & Fikri, 2010).

Kaedah penghujahan kumpulan IS ini sememangnya bersifat ekstrem dengan fahaman *ifrat* (sempit). Dalam konteks ini mereka mentafsirkan nas-nas syarak dengan fahaman yang literal dan selektif *juz'i* sehingga berlawanan dengan sifat umum syariat Islam dan asas-asas objektifnya. Tindakan-tindakan keganasan berasaskan sentimen serta penafsiran agama yang sempit tanpa mengira aspek autoriti serta kontekstual telah menjadikan kefahaman hukum kumpulan ini tersasar daripada ajaran Islam yang sebenar (Muhd Imran, Mohd Anuar & Rahimin, 2016). Justeru itu, penghayatan dana amalan beragama yang bersifat *wasatiyyah* wajib diperkukuhkan dalam kalangan umat Islam dalam menghadapi ancaman ekstremisme agama (Mohd Anuar, Muhamad Sayuti & Lutfi, 2015).

5. KESIMPULAN

Kesimpulannya, ekstremisme agama adalah merujuk kepada mana-mana kumpulan atau kumpulan yang melampaui batasan syarak dalam memahami dan mengamalkan ajaran agama. Mereka juga menggunakan kaedah keganasan sebagai jalan yang dihalalkan walaupun bercanggah dengan prinsip-prinsip asas dalam Islam. Fahaman ekstremisme agama yang wujud sejak sekian lama telah muncul dengan wajah baru di era moden dengan kefahaman dan perlakuan keganasan yang sama. Kumpulan Khawarij, al-Qaeda, IS dan lain-lain yang sekumpulan secara dasarnya menganut faham *takfiri* yang sangat melampau, kejumudan memahami makna jihad, bersemangat tinggi dalam melaksanakan undang-undang Islam tanpa persediaan. Metode penetapan hukum yang cenderung literalis menghasilkan hukum yang luar daripada garis wasatiyyah. Jika tidak dibendung aliran ini, kehidupan bermasyarakat dan bernegara terdedah kepada ancaman konflik.

PENGHARGAAN

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil kajian peringkat kedoktoran dan juga penyelidikan geran FRGS FP031-2016, “Pembinaan Model Wasatiyyah dalam Menangani Gejala Ekstremisme Agama di Malaysia” yang dianugerahkan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan

RUJUKAN

- ‘Abdul Karim Zaidan (1982). *Ahkam al-Zimmiyyin wa al-Musta’minin fi Dar al-Islam*. Baghdad: Maktabah al-Quds.
- ‘Audah, ‘Abd al-Qadir (1968). *al-Tasyri ‘al-Jinai ‘i al-Islami Muqarinan bi al-Qanun al-Wad‘i*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- “A Call to Hijrah”. *Dabiq* 3. 10 September 2014, <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-3-the-call-to-hijrah.pdf>.
- “Break the Cross”. *Dabiq* 15. 31 Julai 2016, <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/islamic-state-magazine-dabiq-fifteen-breaking-the-cross.pdf>.
- “From Hypocrisy to Apostasy the Extinction of the Grayzone”. *Dabiq* 7. 10 September 2014, <https://clarionproject.org/docs/islamic-state-dabiq-magazine-issue-7-from-hypocrisy-to-apostasy.pdf>.
- “From the Battle of Al-Ahزاب to the War of Coalitions”. *Dabiq* 11. 9 Ogos 2015, <http://clarionproject.org/wpcontent/uploads/Issue%2011%20%20From%20the%20battle%20of%20AlAhزاب%20to%20the%20war%20of%20coalitions.pdf>.
- “Sharia’h Alone Will Rule Africa”. *Dabiq* 8. 30 Mac 2015, <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue+8-sharia-alone-will-rule-africa.pdf>.
- “The Flood”. *Dabiq* 2. 27 Julai 2014, <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-2-the-flood.pdf>.
- “The Law of Allah or the Laws of Mens”. *Dabiq* 10. 13 Julai 2015, <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue%2010%20%20The%20Laws%20of%20Allah%20or%20the%20Laws%20of%20Men.pdf>.
- Al-Gharyani, Al-Sadiq ‘Abd al-Rahman (2002). *Zawahir min Ghuluw al-Tatarruf wa Ghuluw al-Tasawwuf*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad (2003). *al-Iqtisad fi al-I’tiqad*. Beirut: Dar Kutaiba.
- Al-Ghazzali, Abu Muhammad (t.t). *al-Mustasfa min ‘ilm al-Usul*. Kuliyyah al-Syari’yyah: Jami’ah Madinah.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Syarbaji, ‘Ali (1996). *al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf (1402H). *al-Sahwah al-Islamiyyah baina al-Juhud wa al-Tatarruf*. Qatar: Kitab al-Ummah.

- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf (2009). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li ahkamih wa falsafatih fi daw al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf (2012). *Thaurah Sha'ab* (terj.). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Ahmad (2006). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah. *Al-Risalah al-Maftuhah ila al-Duktur Ibrahim 'Iwad al-Badri*, www.lettertobaghdadi.com.
- Al-Shishani, Murad Batal (2011). "The Islamist of Iraq and the Sectarian Factor", dlm. Khalid Hroub. *Political Islam: Context Versus Ideology*. London: SOS Publication.
- Al-Suri, Abu Mus'ab (2004). *Da'wah al-Muqawamah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah*. Diterbitkan secara atas talian di laman web jihadis .
- Al-Zuhaili, Wahbah (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Anggid Awiyat (2009). "Propaganda Barat Terhadap Islam Dalam Film (Studi Tentang Makna Simbol dan Pesan Film "Fitna" Menggunakan Analisis Semiotologi Komunikasi)". Disertasi Sarjana. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Benson, B. P. (2015). *The U.S. Counterterrorism Strategy: Addressing Radical Ideologies*. Tesis Sarjana Naval Academy. Fort Leavenworth, Kansas
- Bubalo, A., & Fealy, G. (2005). *Joining the Caravan? The Middle East, Islamism and Indonesia*. New South Wales: The Lowy Institute for international Policy.
- Cambridge Dictionary*, <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/extreme>. Carr, C. (2002). *The Lessons of Terror*. London: Little Brown.
- CISAC (2017). *Mapping Militant Organizations: The Islamic State*. California: Stanford University, <http://web.stanford.edu/group/mappingmilitants/cgi-bin/groups/view/1>.
- Coleman, T. & Bartoli, A. (2003). *Addressing Extremism*. International Centre for Cooperation & conflict Resolution, Columbia University.
- Dickson, L. W. 2015. *Lone Wolf Terrorism. A Case Study: The Radicalization Process of a Continually Investigated & Islamic State Inspired Lone Wolf Terrorist*. Degree project, Malmö University.
- Duyvesteyn, I. (2004). "How New is the New Terrorism?". *Studies in Conflict & Terrorism Journal*. Vol 7 (5): 439- 454.
- Fatema Zubaidi (2015). "Religious Extremism and Social Networks". *British Journal of Humanities and Social Sciences*. Vol. 13 (1): 174-187.
- Green, C. A. (2009). *The Khawarij and The Creed of Takfeer: Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement*. Tesis Sarjana Untuk University of South Africa.
- <http://www.youtube.com/watch?v=iZX8WwaBshs>. Dilayari pada 1 Jun 2017.
- <http://www.youtube.com/watch?v=UOXmTTUrjsk>. Dilayari pada 1 Jun 2017. Ibn Kathir, Abi al-Fida' 'Isma'il 'Umar (1997). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyadh: Dar al-Tayyibah li al-Nasyar wa al-Tauzi'.
- Jones, S. G. (2014). *A Persistent Threat: The Evolution of Al-Qa'ida and Other Salafi Jihadist*, London: Rand Corporation.
- Kamarulnizam Abdullah (2009). The Augmentation of Radical Ideas and The Role of Islamic Educational System In Malaysia, *Studia Islamika: Indonesian Journal For Islamic Studies*. Vol. 16 (1): 79-106.
- Kamus Dewan Edisi ke-4* (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kertas Putih (2014). *Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*. Dikemukakan Dalam Dewan Rakyat/Dewan Negara Menurut Perintah, Kertas Periman 76 Tahun 2014.
- Lister, C. (2014). *Profiling the Islamic State*. Doha: Brookings Doha Center. Maszlee Malik (2016). *ISIS*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Merriam-Webster*. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/extremism>. Dilayari pada 31 Mei 2017.
- Micallef, J. V. (2015). *Islamic State, Its History, Ideology and Challenge*, Portland: Antioch Down Press.
- Mohamed Ali (2012), *The Islamic Doctrine of Al-Wala Wal Bara (Loyalty and Disavowal) in Modern Salafism*, Tesis Kedoktoran, University of Exeter.
- Mohammad Hashim Kamali (2015). "Extremism, Terrorism and Islam: Historical and Contemporary Perspectives". *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*. Vol. 6 (2): 150-151.

- Mohd Anuar Ramli, Muhamad Sayuti Mansor & Lutfi Juwaini (2015). Pendekatan Wasatiyyah Bagi Menangani Ikhtilaf Fiqh Dalam Kalangan Masyarakat Islam Nusantara. Prosiding International Conference on Islam in Malay World V, 131-146.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009). *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*. Tesis Ph.D Untuk Victoria University Of Wellington.
- Muhammad Na'im Yasin (1985). *al-Iman: Arkanuhu, Haqiqatuhu, Nawaqiduhu*. 'Amman: al-Tabi'un.
- Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli & Rahimin Affandi Abdul Rahim (2016). Aplikasi Maqasid al-Shari'ah dalam Menilai Fiqh Jihad Aliran Ekstremisme Agama, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Shahidra Abdul Khalil (eds.). *Maqasid al-Shariah: Aplikasi Dalam Aspek Sosial Dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 57-80.
- Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Nurul Hidayah Abd Aziz and Muhammad Yusri Yusof @Salleh (2017). Salafi Jihad's Version and Coercion to World Peace. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. Vol. 7 (12): 1265-1280.
- Musselwhite, M. H. (2016). "ISIS & Eschatology: Apocalyptic Motivations Behind the Formation and Development of the Islamic State". Tesis Kedoktoran. The Faculty of the Department of Philosophy and Religion, Western Kentucky University.
- Nazrul Islam (2005). *Islam 9/11 and Global Terrorism: A Study of Perceptions and Solutions*. New Delhi: Viva Books Private Limited.
- Online Etymology Dictionary*, <http://www.dictionary.com/browse/extreme>.
- Oxford English-English-Malay Dictionary*, Third Edition. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Oxford Living Dictionaries*, <https://en.oxforddictionaries.com/definition/extremism>.
- Rahimin Affandi Abd Rahim *et al.* (2016). "Menangani Fenomena Ekstremisme Agama Mengikut Perspektif Maqasid Syariah". *Maqasid al-Sharia`ah: Aplikasi Dalam Aspek Sosial dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Stern, J. & Berger, J. M. (2015). *ISIS: The State of Terror*. New Yor: Harper Collins Publishers.
- Taha Husain (2015). *Fitnah Terbesar Dalam Sejarah Islam*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wagemakers, J. (t.t). 'Seceders' and 'Postponers'? An Analysis of the 'Khawarij' and 'Murji'a' Labels in Polemical Debates Between Quietist and Jihadi-Salafis, 148-150.
- Weeks, D. M. (2013). *Radicals and Reactionaries: The Polarisation of Community and Government in the Name of Public Safety and Security*. Tesis Kedoktoran, University Of St Andrews, Scotland.
- Weiss, Michael (2015). *ISIS, Inside the Army of Terror*. New York: Regan Art.
- Wilkinson, P. (2000). The Strategic Implications of Terrorism, in *Terrorism & Political Violence. A Sourcebook*. India: Har-anand Publication.
- Willis. L. (2011). *Extremism*. New York: Greenhaven Press.
- Zolkarnain Haron & Lailatul Afizdha (2016). "Corak Terkini Terorisme Alaf Baru". *Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)*. 24 Mac 2016, <http://btdmonline.net/2016/03/corak-terkini-terorisme-alaf-baru-new-terrorism>.
- Zulkifli Mohd Yusoff (2005). Gerakan Teroris Dalam Masyarakat Islam: Analisis Terhadap Gerakan Jemaah Islamiyah (JI). *Jurnal Usuluddin*. Vol 21: 39-62.

